

NO. SOALAN : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)

TARIKH JAWAPAN : 06 MAC 2018

SOALAN

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan hasil lengkap sebarang kajian impak terhadap Malaysia natijah penguatkuasaan tarif 30% oleh Amerika Syarikat ke atas set dan panel solar diimport di samping pelan tindakan terperinci bagi menangani kemelut tersebut dan protektionisme yang semakin ketara di dunia kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air tidak melaksanakan sebarang kajian khusus mengenai impak terhadap Malaysia ekoran penguatkuasaan cukai import 30% bagi sel dan panel solar yang diimport ke Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, sebagai pengeksport Solar PV terbesar ke pasaran Amerika Syarikat, pengenalan cukai import ini sedikit sebanyak dijangka akan menjejaskan eksport panel solar PV Malaysia ke Amerika Syarikat. Ini seterusnya akan memberi kesan langsung dan kesan mengejut atau dengan izin *shock effect* kepada pengeluar panel solar PV dari Malaysia yang memberikan tumpuan terhadap pasaran di Amerika Syarikat.
2. Namun demikian, tindakan Amerika Syarikat ini juga akan mendorong pengeluar dan pengeksport dari Malaysia untuk menerokai pasaran baru seperti pasaran negara-negara ASEAN, Timur Tengah dan Eropah. Penerokaan pasaran baru ini merupakan

tindak balas yang paling berkesan untuk menangani sebarang usaha protektionisme yang diperkenalkan oleh mana-mana negara.

Sekian, terima kasih
